

02 AUG 2002

LID-Keselamatan/I

KESELAMATAN ANTARABANGSA BOLEH DICAPAI MELALUI PERKONGSIAN "MENANG-MENANG"

Oleh: Mohd Faizal Zakariah

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Isu-isu keselamatan antarabangsa boleh mencapai situasi "menang-menang" menerusi dialog antarabangsa sama seperti perkongsian pintar ekonomi, kata Perdana Menteri Mozambique Pascoal M. Mocumbi.

Mocumbi berkata tiada negara kebal daripada keganasan, yang boleh datang dalam pelbagai bentuk dan cara berbahaya kepada keadaan politik dan ekonomi negara.

Beliau membuat ulasan itu pada dialog untuk menetapkan agenda bagi mesyuarat ketua-ketua negara dan kerajaan pada Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 di sini hari ini.

Sesi percambahan idea itu menetapkan agenda bagi isu-isu ekonomi yang akan dibincangkan pada mesyuarat Global 2002 berikutnya, dengan peserta dimaklumkan mengenai isu-isu yang perlu ditangani.

Ia merupakan pendahuluan kepada dua pusingan dialog berikutnya hari ini iaitu sesi Dialog Meja bulat Interaktif dan Forum Dialog-Maklumbalas serta Maklum Balas yang dijangka diperolehi.

Mocumbi berkata dunia telah beralih daripada dua polar, pengwujudan pelbagai kuasa-kuasa besar seperti di era Perang Dingin kepada Unipolar di mana hanya satu kuasa besar wujud.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 semalam, telah menyatakan bahawa "keganasan ekonomi" mungkin datang dalam pelbagai bentuk.

Perdana Menteri berkata negara maju telah "merampas" pelaburan besar dari Malaysia dengan menawarkan RM760 juta dan ganjaran lain kepada bakal pelabur.

Lt Jen Ihsan Shurdom, anggota Kumpulan Eksekutif Bersama (JEG), berkata semasa dialog berkenaan bahawa terdapat keperluan untuk mengubah politik globalisasi melalui dialog perkongsian pintar berdasarkan kepada konsep "menang-menang" dan "kemakmuran jiran anda".

Menteri Luar Namibia Theo-Ben Gurirab berkata wujud hubungan kukuh antara keamanan, kebebasan, harmoni dan pencapaian ekonomi dan kesemuanya bergantung antara satu sama lain.

Beliau berkata Malaysia, Singapura dan India kerap dirujuk sebagai negara-negara yang mengetahui cara mengekalkan keseimbangan antara pencapaian ekonomi dan sosial.

Terdapat keperluan untuk mendidik dan menyediakan rakyat untuk membasmi kemiskinan kerana tanpa resolusi, adalah sukar untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian yang diperlukan untuk kemajuan ekonomi, katanya.

Fellow CPTM Tom Degregori berkata cara alternatif untuk memerangi penganas adalah melabur lebih banyak dalam aktiviti pembangunan ekonomi seperti kesihatan dan pendidikan, terutamanya di kalangan negara-negara membangun.

Beliau berkata negara-negara perlu membina jambatan, bukan dinding di kalangan negara-negara membangun dan maju untuk dunia yang lebih selamat.

-- BERNAMA

MFZ SHY SD NHD